



## POLISI INTEGRITI KORPORAT

PPSB komited dalam menjalankan perniagaan secara beretika dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan, termasuk Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 yang melarang rasuah dan korupsi yang mungkin berlaku sepanjang menjalankan perniagaan.

Setiap Pekerja PPSB termasuk perunding, kontraktor, individu atau entiti yang terlibat dalam suatu kontrak atau khidmat yang digunakan oleh PPSB untuk sebarang urusan perniagaan yang rasmi dan tidak rasmi perlu mengekalkan nilai integriti, kejujuran dan profesionalisme di peringkat tertinggi pada setiap masa ketika Pekerja berkenaan bekerja/berkhidmat di bawah PPSB atau semasa mewakili PPSB dalam menjalankan transaksi perniagaan dengan pihak ketiga.

Pada dasarnya, PPSB komited sepenuhnya untuk:

- Mengambil pendekatan toleransi sifar terhadap sebarang bentuk korupsi.
- Mewujudkan modal insan yang mempunyai integriti dan etika yang tinggi.
- Bertindak secara adil, beretika dan jujur terhadap semua pekerja dan rakan perniagaan.
- Menegakkan undang-undang yang berkenaan

Pernyataan Polisi Anti Rasuah dan Anti Korupsi ini menjadi lengkap apabila di rujuk dengan dokumen yang berikut:

- Polisi Kod Etika dan Tatatertib PPSB
- Polisi dan Rangka Kerja Anti Rasuah dan Anti Korupsi PPSB
- Polisi Kewangan PPSB
- Manual Operasi Sumber Manusia ("HR") PPSB
- Polisi Perolehan PPSB
- Polisi Pendedahan Maklumat PPSB
- Had Kuasa PPSB
- Polisi dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko PPSB Enterprise
- Prosedur Pendedahan Maklumat PPSB
- Semua polisi PPSB yang berkaitan, rangka kerja, prosedur, standard, undang-undang dan peraturan.

Pernyataan Polisi Anti Rasuah dan Anti Korupsi ini menunjukkan komitmen PPSB dalam mewujudkan budaya beretika tinggi yang dilaksanakan dalam kalangan Kakitangan dan komited untuk bertindak secara professional, adil dan berintegriti dalam semua urusan perniagaan dan perhubungan.